

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL



Jumlah kes kumulatif yang pulih daripada jangkitan COVID-19 kini mencapai 60.7 peratus.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

Penularan COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Mohd Anwar Patho Rohman, Zanariah Abd Mutalib, Mohd Zaky Zainuddin, Suzalina Halid, Saadiah Ismail, Alzahrin Alias, Nor Azizah Mokhtar, Lugman Ariff Abdul Karim, Suhael Adnan, Faris Fuad, Baharom Bakar, Rafiqah Dahali, Ruwaida Md Zain dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kali pertama tiada kematian dilapor

Malaysia di landasan meyakinkan, kes baharu terendah

Putrajaya: Malaysia dilihat berada di landasan meyakinkan apabila hanya 36 kes baharu jangkitan COVID-19 dicatat dan tiada kematian dilaporkan, setakat jam 12 tengah hari semalam.

Jumlah kes baharu itu adalah yang terendah dicatat sejak 18 Mac lalu.

Ia juga kali pertama tiada kes kematian dilaporkan, genap sebulan selepas negara merekodkan kematian pertama akibat COVID-19 di Sarawak pada 20 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perangkaan terbaru itu jangkitan terbabit menjadikan jumlah positif COVID-19 di negara

ini kepada 5,425 kes.

"Ini adalah bilangan kes harian paling rendah direkod setakat ini.

"Pada masa sama, jumlah kes kumulatif yang pulih daripada jangkitan COVID-19 kini mencapai 60.7 peratus.

"Sebanyak 98 kes pulih dan dibenarkan discaj hari ini (semalam), menjadikan kes kumulatif pulih sepenuhnya adalah 3,295 kes. Justeru, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 2,041 kes.

"Sehingga kini, seramai 45 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 28 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tanpa kes kematian terbaharu, jumlah kematian kekal 89 kes," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengenai 36 kes baharu semalam, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 24 kes membabitkan penularan dalam komuniti, manakala 12 lagi adalah kes import

iaitu 11 kes membabitkan pelajar pulang dari Megetan Jawa Timur dan satu kes pelajar yang pulang dari Amerika Syarikat.

Beliau menjelaskan, penurunan jumlah kes harian sejak kebelakangan ini adalah hasil tindakan proaktif dan agresif dalam mengesan kes, terutama dalam tempoh dua minggu lalu.

"Bagaimanapun, jumlah kes baharu mungkin boleh meningkat dalam tempoh dua minggu akan datang berikutan aktiviti pengesanan kes masih giat dijalankan, terutama ke atas rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara dan di lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya.

Mengenai ujian pengesanan COVID-19 di enam kawasan PKPD, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 13,277 sampel sudah diambil di 10 lokaliti yang terbabit sejak 27 Mac lalu.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 796 sampel dikesan positif jangkitan wabak berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kita mungkin 'berperang' sehingga tahun depan

Negara perlu rancang strategi kekang penularan COVID-19

Putrajaya: Malaysia mungkin terpaksa 'berperang' sehingga tahun depan dalam menentang penularan wabak COVID-19 seperti yang dijangkakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata apa yang perlu difikirkan ialah perancangan strategi yang boleh digunakan dan diamalkan sehingga tahun depan, berikutan belum ada vaksin boleh melindungi diri daripada jangkitan COVID-19.

Apa yang penting ketika ini, katanya, ialah bagi negara mengurangkan bilangan kes jangkitan walaupun belum dapat menamatkan episod jangkitan COVID-19.

"Selain menjalankan ujian terhadap antibodi seperti dicadangkan pakar untuk komuniti, Kementerian Kesihatan (KKM) juga memantau kewujudan kes penyakit seperti influenza (ILI) dan jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dalam komuniti yang menentukan kewujudan virus itu.

"Sekarang kita lihat kes ILI dan SARI semakin berkurangan. Kalau berkurangan, itu satu indikator baik untuk kita melaksanakan atau merancang tindakan bagi masa depan.

"Apa yang kita dapat lihat daripada kes yang sedang dikaji ialah bagaimana kita dapat mengambil tindakan sewajarnya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan.

"Mungkin kena lihat aktiviti kita berbeza, kelaziman kita juga berbeza selagi kita tidak ada vaksin," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun sudah ada penurunan jumlah pesakit disahkan positif COVID-19 sejak dua minggu kebelakangan ini, pihaknya mahu melihat statistik itu berkurangan



Petugas kesihatan KKM melakukan ujian saringan COVID-19 terhadap penduduk di Dewan Serbaguna Jalan Hamzah Kampung Baru, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Apa yang perlu difikirkan ialah perancangan strategi yang boleh digunakan dan diamalkan sehingga tahun depan, berikutan belum ada vaksin boleh melindungi diri daripada jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

menjadi satu angka.

Untuk membolehkan itu berlaku, katanya, semua pihak perlu bekerjasama dan memastikan orang awam terus tinggal di rumah.

Beliau berkata, jika PKP yang dijadualkan berakhir pada 28 April ini ditamatkan, KKM menasihatkan orang ramai untuk terus berada di rumah dan hanya keluar jika ada keperluan berbuat demikian.

"Kita sedang melihat cara untuk mengurangkan impak selepas PKP ditamatkan supaya semua pihak boleh kembali kepada apa yang dikatakan sebagai kelaziman baharu.

"Ia mungkin mengambil sedikit masa, mungkin tiga bulan, mungkin enam bulan. Dasar kita mesti

berubah dari segi tiada perhimpunan awam, penjarakan sosial mesti diamalkan dan sentiasa mengingatkan orang awam untuk mencuci tangan dan yang penting sekali jika tiada hal di luar, duduk di rumah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kajian mencari sesuatu vaksin selalunya mengambil masa antara setahun sehingga setahun setengah sebelum memasuki pasaran.

Pihaknya berharap vaksin untuk COVID-19 dapat ditemui dalam masa terdekat.

"Selagi tiada vaksin, kita kena gunakan kaedah kesihatan awam iaitu pencegahan lebih baik daripada rawatan.

"Pencegahan itu ialah cara kelaziman kita hidup, tingkah laku kita kena berubah," katanya.



Anggota polis bersama ATM mengawal kawasan di sekitar Jalan Masjid India yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

KKM pertimbang laksana ujian antibodi kesan individu positif

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mempertimbangkan untuk menjalankan ujian antibodi di kawasan setempat bagi mengkaji bilangan dalam komuniti itu yang dijangkiti wabak COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ujian itu bagaimanapun bukan diagnosis, sebaliknya mengesan berapa ramai dalam kalangan komuniti yang dijangkiti tetapi tidak dikenal pasti.

Katanya, KKM sudah mempunyai taburan kumulatif kes positif COVID-19 mengikut zon.

"KKM sedang mempertimbangkan untuk menjalankan kajian itu di Zon Merah. Jika mereka terdedah kepada virus itu, antibodi akan terbina dalam tempoh seminggu iaitu IgM dan IgG, kita

tidak tahu berapa ramai di Zon Merah yang dijangkiti tetapi tidak dikesan.

"Jadi ini mungkin kajian baik yang boleh dipertimbangkan dan mungkin masa yang sesuai untuk kita laksanakan ujian itu.

"Ujian itu menggunakan kit ujian antibodi yang cepat dan membolehkan kita mengukur antibodi. Kita cuma perlukan setitis darah," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, apa yang perlu dilihat ialah bagaimana kajian itu boleh dilaksanakan.

Antara langkah boleh diambil, katanya, termasuk bagi KKM mengadakan kerjasama rapat dengan pihak klinik swasta untuk mengumpul data terkini dan mengambilkira tindakan sewajarnya.

Beliau berkata demikian ketika

diminta mengulas cadangan pakar virologi, Prof Dr Sazaly Abu Bakar, sebelum ini, yang menyatakan KKM perlu mengadakan saringan mengesan antibodi terhadap sejumlah orang awam secara rawak di seluruh negara bagi mengetahui kadar jangkitan COVID-19 dalam komuniti.

Saranan Dr Sazaly itu adalah untuk membolehkan peratusan individu positif COVID-19 tetapi tidak bergejala dalam komuniti diketahui, sebagai persiapan kerajaan, pihak industri, institusi pendidikan berdepan penularan semula COVID-19 pasca PKP.

Katanya, ia bagi mengelak seperti yang berlaku di Jepun yang menarik balik perintah berkurung sebelum ini sebelum wabak COVID-19 kembali menular.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

CATAT KES TERENDAH

Seramai 36 individu positif Covid-19 semalam dan tiada kematian dicatatkan

Yusmizal Dolah Aling
dan Muhaamad Hafis
Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada kes kematian akibat Covid-19 dicatatkan setakat 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 98 pesakit sudah pulih dan dibenarkan keluar daripada wad menjadikan jumlah keseluruhan dibenarkan pulang seramai 3,295 orang.

Katanya, setakat jam 12 tengah hari, terdapat 36 kes baru dilaporkan dengan jumlah positif Covid-19, iaitu terendah setakat ini.

Katanya, sehingga kini,

seramai 45 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 28 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sehingga 20 April 2020, kerajaan mengeluarkan sebanyak enam arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara berperingkat membabitkan sebanyak 10 lokaliti iaitu Bandar Baru Ibrahim Majid, kawasan di sekitar Bandar Baru Ibrahim Majid, Kampung Sungai Lui, kawasan di sekitar Kampung Sungai Lui, Menara Plaza City One, Malayan Mansion, Selangor

Mansion, Masjid India dan kawasan sekitarnya, Pusat Bandar Utara, Kuala Lumpur dan kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur

"Hasil daripada pelaksanaan PKPD ini, sebanyak 13,277 sampel ujian pengesanan Covid-19 diambil apabila sebanyak 796 kes dikesan positif Covid-19.

"Terdapat lima kes kematian Covid-19 dari kawasan ini iaitu kes ke-1114, kes ke-2627, kes ke-1649 dan kes ke-1251 dari Bandar Baru Ibrahim Majid dan kawasan di sekitarnya serta kes ke-1906 dari

Menara Plaza City One," katanya pada sidang media semalam.

Sehingga kini, seramai 45 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi

Boleh naik dalam tempoh 2 minggu

Kuala Lumpur: Bilangan kes baharu Covid-19 mungkin boleh meningkat dalam tempoh dua minggu akan datang kerana aktiviti pengesanan kes masih giat dijalankan terutama ke atas rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia termasuk pengesanan di lokaliti yang terbabit di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Katanya, selaras dengan trend penurunan kes jangkitan Covid-19, pihaknya mengingatkan seluruh rakyat Malaysia untuk tidak

mengambil mudah dan berasa selesa dengan keberkesanan pengendalian jangkitan Covid-19 yang dicapai setakat ini.

"Perjuangan kita masih berbaki dan pastinya belum tamat.

"Teruskan usaha membantu kerajaan dalam memastikan rantaian jangkitan Covid-19 dapat diputuskan," katanya pada sidang media harian di Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya, semalam.

Menurutnya, penurunan jumlah kes harian yang dapat dilihat sejak kebelakangan ini adalah hasil daripada tindakan proaktif dan agresif dalam mengesan kes terutama bagi tempoh dua minggu lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Amaran mungkin berlaku peningkatan kes

KKM beri amaran itu berikutan pengesanan kes masih giat dilakukan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi amaran kemungkinan berlaku peningkatan kes jangkitan koronavirus (Covid-19) dalam tempoh dua minggu akan datang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini berikutan pengesanan kes yang masih giat dilakukan KKM.

"KKM kini melakukan pengesanan kes terutamanya ke atas rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara dan lokaliti yang terlibat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, penurunan jumlah kes harian yang diulihat sejak kebelakangan ini adalah hasil tindakan proaktif dan agresif yang dijalankan kerajaan dalam tempoh dua minggu dan sebulan lalu.

"Terima kasih kepada barisan hadapan termasuk Angkatan Tentera Malaysia, polis dan Jabatan Imigresen Malaysia serta badan bukan kerajaan," katanya.

Menurutnya, perancangan hari ini akan dapat dinilai hasilnya dalam tempoh dua minggu akan datang.

"Saya mohon kepada semua rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyangkai usaha memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 ini," katanya.

Ditanya mengenai kawasan Lembah Pantai masih lagi disenaraikan sebagai kes positif tertinggi jangkitan wabak itu di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, kepadatan penduduk di kawasan itu merupakan faktor utama penyumbang peningkatan kes.

"Kita telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Menara City One, Malayan

Mansion, Selangor Mansion dan Masjid India di Kuala Lumpur.

"Kementerian masih lagi melakukan pengesanan aktif di kawasan berkenaan dan berharap tiada kluster baru direkodkan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menjangkakan Malaysia akan terus 'berperang' dengan pandemik Covid-19 ini sehingga tahun hadapan.

Beliau menegaskan bahawa perkara paling penting adalah melakukan perancangan menghadapi virus tersebut.

"Masalah sekarang ialah bagaimana kita mahu merancang strategi keluar sehingga tahun depan," katanya.

Menurutnya, jika tidak mampu menamatkan kes, kerajaan akan berusaha mengurangkan jangkitan kes.

"Apa yang penting sekarang kita namatkan kes, kerajaan kes. Jika tidak dapat tamatkan kes, mungkin akan ada kluster atau kes terpencil iaitu satu atau dua kes sporadik," katanya.

Beliau berkata, selagi tiada vaksin ditemukan untuk mengatasi wabak itu, langkah mempertahankan diri daripada jangkitan adalah paling berkesan.

"Kita perlu menggunakan kaedah kesihatan awam iaitu pencegahan lebih baik daripada rawatan.

"Biasanya untuk kajian vaksin akan mengambil masa setahun atau lebih.

"Jadi sebelum kita dapat vaksin, kita kena ubah gaya hidup seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berharap vaksin akan ditemui dalam masa terdekat susulan pelbagai kajian yang telah dijalankan.

"Itu harapan kita," katanya.

Lebih 13,000 sampel ujian pengesanan diambil dari enam PKPD

PUTRAJAYA - Sebanyak 13,277 sampel ujian pengesanan Covid-19 diambil dari enam kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 796 dikesan positif jangkitan wabak berkenaan.

"Terdapat empat kes kematian direkodkan di Bandar Baharu Ibrahim Majid iaitu melibatkan kes ke-1,114, kes ke-2,627, kes ke-1,649 dan kes ke-1,251 serta satu kes di Menara City One," katanya di sini semalam.

Enam kawasan yang diletakkan di bawah PKPD ialah Kampung Dato' Ibrahim Majid, Sungai Lui dan sekitarnya, Malayan Mansion, Selangor Mansion, Masjid India dan kawasan sekitarnya dan terkini, Pusat Bandar Utara, Kuala Lumpur serta kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur selain Bandar Baharu Ibrahim Majid dan Menara City One.

Menurutnya, PKPD dapat membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan aktiviti pengesanan tertumpu.

"Langkah ini dilakukan untuk membendung penularan jangkitan Covid-19 seperti bancian penduduk, pengesanan kes aktif rumah ke rumah, pengambilan sampel aktiviti disinfeksi berkaitan dan promosi kesihatan.

"Bagi kes yang disahkan positif Covid-19, mereka diasingkan dan diberi rawatan," katanya.

Menyentuh mengenai kes di PKPD, beliau berkata, tiada kes baharu positif direkodkan di kesemua PKPD tidak termasuk Pusat Bandar Utara Kuala Lumpur dan kawasan Pasar Borong Selayang.



DR NOOR HISHAM

Timbalan Menteri Kesihatan mohon maaf hadir jamuan ketika PKP

PUTRAJAYA - Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali semalam memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia atas kekhilafan membabitkan dirinya.

"Saya memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia dan mengakui kekhilafan berhubung kehadiran saya di sebuah maahad tahfiz di Lenggong, Perak pada Jumaat, 17 April lalu.

"Saya menghargai pengorbanan besar yang dilakukan oleh barisan hadapan seperti polis, tentera, petugas Kementerian Kesihatan dan agensi lain dalam menangani wabak (koronavirus) Covid-19," katanya menerusi satu kenyataan media di sini semalam.

Kelmarin, tular di media sosial gambar Dr Noor Azmi yang juga Ahli Parlimen Bagin Serai dan beberapa individu termasuk Exco Perak, Razman Zakaria hadir majlis jamuan di sebuah maahad tahfiz di Lenggong ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan Covid-19 sedang dilaksanakan.

Dalam pada itu, Dr Noor Azmi memaklumkan beliau telah memberikan keterangan di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya petang semalam.

"Saya sudah memberi kerjasama sepe-



DR NOOR AZMI

nuhnya kepada pihak polis dalam siasatan insiden berkenaan.

"Saya juga menghargai komitmen pihak polis dalam menjalankan tanggungjawab mereka menguatkuasakan undang-undang tanpa mengira latar belakang individu, jawatan dan sebagainya.

"Semoga seluruh rakyat Malaysia terus diberikan kesabaran dan tenang berdepan dengan segala kesukaran yang dihadapi sepanjang tempoh PKP ini," katanya.

Kelmarin, Razman turut membuat permohonan maaf secara terbuka itu menerusi akaun Facebook beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Catat sifar kematian semalam

Jumlah kes positif baharu semalam paling rendah setakat ini iaitu sebanyak 36 kes

PUTRAJAYA

Buat julung kalinya pada gelombang kedua pandemik Covid-19, Malaysia mencatatkan sifar kematian semalam.

Perkara itu diumumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang akhbar harian perkembangan Covid-19 semalam.

"Sukacitanya tiada kes kematian direkodkan oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat CPRC Kebangsaan hari ini (semalam). Oleh itu, sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) jumlah kematian kekal 89 kes," katanya di Putrajaya semalam.

Menurutnya, pertambahan kes harian merekodkan jumlah paling rendah setakat ini iaitu sebanyak 36 kes baharu.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 5,425 kes dengan 2,041 kes masih dirawat di hospital," katanya.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak 98 kes pulih dan dibenarkan discaj.

BANTU KAMI
UNTUK BANTU ANDA LINDUNGI DIRI DAN KELUARGA ANDA DARI COVID-19

- Mendapatkan panduan kesihatan terkini berkaitan COVID-19
- Mendapatkan maklumat terkini dan pendaun daripada sumber yang relihi
- Mendapatkan maklumat yang perlu diambili berhubung kesihatan diri COVID-19
- Mendapatkan maklumat terkini dan pendaun daripada sumber yang relihi
- Mendapatkan maklumat terkini dan pendaun daripada sumber yang relihi

Orang ramai boleh muat turun aplikasi MySejahtera di App Store, Google Play dan juga AppGallery bagi mengetahui maklumat terkini mengenai Covid-19.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 3,295 kes bersamaan dengan 60.74 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertimbangkan cadangan untuk menjalankan kajian mengesan kadar jangkitan Covid-19 dalam komuniti melalui saringan secara rawak meng-

gunakan kit ujian pantas.

"Ujian ini akan menggunakan ujian test kit bukan untuk mengesan atau diagnosis tetapi untuk mengetahui berapa ramai dalam kalangan komuniti yang telah dijangkiti tetapi tidak dikesan," katanya.

Bagi melaksanakan perkara itu, beliau berkata, KKM memerlukan kerjasama rapat dengan klinik swasta bagi mengumpulkan data terkini untuk tindakan susulan.

2,064 sampel diambil di Pasar Borong KL

PUTRAJAYA - Sebanyak 2,064 sampel terutama dalam kalangan warga asing diambil untuk ujian pengesanan jangkitan koronavirus (Covid-19) di Pasar Borong Kuala Lumpur sehingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, 28 kes didapati positif Covid-19 termasuk satu kematian membabitkan seorang warga Myanmar berusia 36 tahun.

Menurutnya, mangsa yang berada di tahap keempat jangkitan itu meninggal dunia di Hospital Selayang.

"Kita akan beri perhatian kepada lokasi ini sebagai lokasi berisiko tinggi yang sudah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).


"Kita juga belajar dari negara jiran kita supaya tindakan dipercepatkan bagi mengawal penularan kes positif dalam kalangan warga asing," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan meminta warga asing yang berisiko tinggi untuk tampil ke klinik kesihatan berdekatan bagi menjalani ujian dan saringan.


Menurutnya, warga asing yang mempunyai permit lawatan dan kerja tamat tempoh turut diminta berbuat demikian bagi mengelak dijangkiti atau menjangkiti orang lain.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM


JUMLAH KESELURUHAN: 5,425	PULIH: 3,295	ICU: 45	KEMATIAN: 89	KES BAHARU: +36
----------------------------------	---------------------	----------------	---------------------	------------------------



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 5,389 kes kepada 5,425 kes

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

MySejahtera awasi penularan Covid-19

Beri panduan kepada individu sekiranya mereka diklasifikasikan sebagai berisiko dijangkiti Covid-19

PUTRAJAYA

Orang ramai boleh melaksanakan penilaian kesihatan sendiri dari masa ke masa menerusi aplikasi percuma MySejahtera yang dilancarkan kerajaan semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, aplikasi itu yang dibangunkan bagi membantu pengawasan penularan koronavirus (covid-19) turut memberi panduan kepada individu sekiranya mereka diklasifikasikan sebagai berisiko di-

jangkiti wabak berkenaan.

"Aplikasi ini adalah setanding dengan teknologi yang digunakan di negara-negara maju. MySejahtera telah diuji menerusi projek rintis yang dilaksanakan di beberapa lokasi di Malaysia.

"Dapatan daripada beberapa projek rintis itu amat membe-rangsangkan dan dengan itu mendorong kita untuk memperluaskannya ke seluruh negara," katanya pada majlis prapelan-caran aplikasi MySejahtera di sini semalam.

Menerusi aplikasi itu juga, orang ramai boleh mendapat maklumat terkini dan sahih mengenai perkembangan Covid-19 di Malaysia, ASEAN dan dunia.

Justeru, Dr Adham berharap MySejahtera dapat membantu masyarakat agar lebih prihatin dengan situasi semasa dan meningkatkan tahap kepekaan menjaga diri sendiri ketika di-



Dr Adham (Idri) bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada majlis prapelan-caran aplikasi MySejahtera di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

landa Covid-19, seterusnya memperkukuhkan keupayaan tadbir urus kerajaan, khususnya kementerian dalam merangka strategi menangani penularan wabak berkenaan.

Orang ramai boleh memuat

turun aplikasi MySejahtera menerusi Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), Apple Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery.

MySejahtera dibangunkan melalui kerjasama strategik an-

tara Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pasukan pakar perubatan China kongsi pengalaman



Dr Adham (tengah), Bai Tian (kiri) dan Li Jun (kanan) bersama pasukan pakar perubatan dari China serta KKM bergambar selepas mereka mengadakan pertemuan di Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pasukan pakar perubatan dari China di Putrajaya semalam.

Mereka turut bertemu dengan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian.

Pasukan yang terdiri daripada lapan orang pakar itu diketuai oleh Ketua Pakar Perubatan yang merupakan Naib Presiden Hospital Wilayah Guangdong Perubatan Tradisional Cina, Dr Li Jun.

Pada sebelah petang, pasukan berkenaan turut mengadakan persidangan dalam talian mengenai epidemik klinikal dan pengalaman menangani koronavirus (Covid-19) dengan 26 hospital KKM dan universiti.

Li Jun dan pasukan turut melakukan lawatan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) KKM.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Big improvement recorded

Malaysia sees lowest number of daily infections with no deaths

By JOSEPH KAOS Jr
and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Despite reporting no deaths and recording the lowest number of daily cases, Malaysia's war against Covid-19 is still not over, warns the Health Ministry.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said Malaysians must remain steadfast in obeying the rules of the movement control order (MCO) to ensure the number of cases does not spike again.

"The war is not won yet. But neither have we lost it. Indeed, we have made significant improvement in terms of reducing the number of cases.

"We must continue what we did in the first and second phase of the MCO.

"Today, we recorded 36 new cases, the lowest for quite some time.

"But we want to see single digits. If we keep this up, maybe we can achieve that next week," Dr Noor Hisham said at the ministry's daily Covid-19 press conference here.

Yesterday's 36 cases were Malaysia's lowest daily figures since the MCO started on March 18.

The country also reported zero deaths in the span of 24 hours, also for the first time since March 19.

The total number of confirmed Covid-19 cases in Malaysia since the pandemic started is 5,425.

There have been 89 fatalities while 3,295 patients have already



Latest update: Dr Noor Hisham waving as he leaves a press conference at the Health Ministry in Putrajaya. — Bernama

been discharged. There are currently 2,041 active cases being treated in hospitals.

The MCO is currently in its third phase following two extensions by the government, and is expected to end on April 28.

Dr Noor Hisham said the government may introduce a "soft landing" approach when removing the MCO, which means social distancing rules and a ban on large gatherings are likely to continue for the

rest of the year.

"Even once we remove the MCO, we will continue advising the people to stay at home, if you do not need to go out of the house. That is the principle.

"We are definitely looking at an exit strategy. Perhaps when we start, it must be a soft landing.

"What we will return to is not the norm, but a new norm.

"We may take some time, maybe three or six months. Our policies in

terms of public gatherings must change. Social distancing must remain, and we will continue reminding people to wash hands and to stay at home," he said.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the ministry found 28 Covid-19 cases with one death linked to an area near the Kuala Lumpur Wholesale Market, which was recently placed under enhanced movement control order (MCO).

He said the 28 positive cases were found out of 2,064 samples taken from individuals in the area.

"The one death was that of a 36-year-old Myanmar national, who came to Hospital Selayang.

"He was a Category 4 case and had to be intubated, but later succumbed to the Covid-19 infection," he said.

A Category 4 case refers to pneumonia cases that require oxygen.

He added that the enhanced MCO was to allow for authorities to use a targeted approach to prevent the spread of Covid-19, such as by active case detection and disinfection activities.

"We hope to screen more (in this target area) and we are also learning from our neighbouring country, so that our actions will be swift in order to keep the infection among non-Malaysians under control," he said.

Watch the video
thestartv.com



Deputy Health Minister gives statement to police

PETALING JAYA: Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali has given his statement to the police over his meal with several dozen others at a tahfiz in Maahad Tahfiz in Lenggong, Perak, during the movement control order (MCO) period.

In a statement to a news portal, he said he gave his statement at the Putrajaya district police station yesterday.

"I've given my cooperation to the police investigating the matter," said Noor Azmi, who added that he visited the Lenggong public health

clinic in his official capacity to monitor the healthcare staff on their work against Covid-19.

"I admitted I was mistaken and apologised to Malaysians," he said.

Noor Azmi was seen with several individuals at the event, including Perak state executive councillor, Razman Zakaria.

Kerian district police said they had recorded a statement from Razman, who is the education, human capital, non-governmental organisations and civil society committee chairman.

Kerian district police chief Supt Omar Bakhtiar Yaacob told a press conference at Bagan Serai yesterday that Razman and five others were present at the district police headquarters yesterday to have their statement recorded.

On Sunday, Razman, who is the Gunung Semanggol assemblyman and Perak PAS commissioner, tendered an open apology on Facebook over the issue.

In another development, Omar Bakhtiar said eight individuals, including four women, were arrested for violating the MCO by gam-

bling at a house in Kampung Teluk at Bagan Serai on Sunday.

He said the suspects, aged between 53 and 59, were detained in a raid at 4pm, adding that police also seized several items including playing cards and cash amounting to RM119.

Omar Bakhtiar said all of them were remanded for two days beginning yesterday to facilitate investigations.

Meanwhile, the Inspector General of Police, Tan Sri Abdul Hamid Bador, said the investigation paper on Noor Azmi was expected to be

completed yesterday.

"Investigations are still being conducted and (the paper) will be submitted to the public prosecutor for further action.

"All the cases which went viral such as this will definitely be investigated and action taken," he told Bernama yesterday.

Last Friday, several photographs on Facebook - since then deleted - showed Noor Azmi sitting down for a meal with a group of people at Lenggong, which netizens pointed out was in violation of the MCO. — Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

DOWNWARD TREND

NEW CASES DROP TO 36, NO DEATHS

Dr Noor Hisham hopes number will drop to a single digit in a week

PUTRAJAYA

THE daily number of new Covid-19 cases continues its downward trend, recording only 36 yesterday, but Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah warns that the war against the pandemic had not been won yet. He said 98 patients had recovered and were discharged yesterday and no death was recorded. The total number of patients to have recovered now stand at 3,295, or 60.74 per cent of the total cases.

A new death has been reported at the Crisis Preparedness and Centre, so the toll reached 13,277," he said at his daily press conference yesterday. He said 28 patients were in the Intensive Care Unit, with 28 of them requiring ventilator support. This is the first time Malaysia recorded a single digit increase in new cases under the Movement Control Order (MCO). He attributed the downward trend to the number of medical centres and agencies involved in the MCO.



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah at a press conference at the Health Ministry in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

He urged the public to continue to obey the MCO, including practising social distancing and washing hands regularly.

He reminded people to stay vigilant and not be complacent despite Covid-19 containment strategies appearing to be effective.

"Our fight is still on and clearly has not ended. The war has not

been won yet, neither have we lost. We managed to lower the number of new cases, but we have yet to see the end of it."

He said he hoped to see the

number of new cases drop further to a single digit in one week.

He said 13,277 samples had been taken from locations placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO), of which 796 tested positive for Covid-19.

"There are five deaths from areas under the EMCO... from Bandar Baru Ibrahim Majid and its vicinity, as well as from Menara City One.

"The EMCO, which has been enforced since March 27, will help the Health Ministry carry out a targeted approach to contain the spread of Covid-19 infections, like resident surveys, house-to-house active case detection, sample taking, disinfection and health education.

"Those who test positive will be isolated and treated."

Six locations have been placed under EMCO, involving 10 localities: Bandar Baru Ibrahim Majid and its vicinity, Kampung Sungai Lui and its vicinity, Menara City One, Malayan Mansion, Selangor Mansion, Masjid India and its vicinity, and the latest, Pusat Bandar Utara, Kuala Lumpur, and eight residential parcels around the Selayang Wholesale Market.

Dr Noor Hisham said the World Health Organisation expected the war against Covid-19 to continue into next year.

Thus, he said, strategies were being drawn up by the authorities so that the public could go about their daily lives with a new norm while efforts to contain the virus continued.